



فرتوبوهن كبغسان ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

KENYATAAN MEDIA

“KONGRES MARUAH MELAYU”

Pada 1hb Oktober, Ibu Pejabat UMNO telah menerima satu jemputan dari pihak Penganjur “KONGRES MARUAH MELAYU” yang ditujukan kepada YB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Presiden UMNO dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Majlis dijadualkan pada pukul 8 pagi 6 Oktober di Stadium Melawati Shah Alam Selangor.

YB Presiden UMNO, telah membawa perkara tersebut ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO pada 2hb Oktober dan Jawatankuasa Biro Politik pada 3hb Oktober, dan seterusnya, ke Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO petang ini, 3hb Oktober 2019.

Adalah diputuskan bahawa UMNO bersetuju menghantar satu rombongan yang akan diketuai oleh YB Setiausaha Agung UMNO.

Persetujuan menghadiri majlis ini, adalah atas dasar menghormati pihak pengajar, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang difahamkan mengambil inisiatif membincangkan isu-isu berkaitan orang melayu.

Sebagai sebuah parti terbesar orang melayu, dan sebagai pelopor bersama **Piagam Muafakat Nasional UMNO-PAS**, UMNO berlapang dada dan mengambil sikap terbuka untuk hadir dan mengikuti perkembangan dan perbincangan yang menyentuh kepentingan orang Melayu dan Negara yang menjadi sebahagian dari teras utama dalam perjuangan UMNO itu sendiri.

TAN SRI ANNUAR BIN-HAJI MUSA

3 Oktober 2019



Rakyat Didahulukan
People First



46322/A/0001/UK/En

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tal: 03-40429511 Faks: 03-40416955
Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : www.umno-online.com | e-Mel: info@umno.org.my